

ROSHLAWATY RAEH roshlawaty@sinarharian.com.my FOTO: TERIMA KASIH UUM & Usim

Tetap sambut raya

Walau berjauhan dengan keluarga, Aidilfitri harus diraikan

Bagi penuntut yang tinggal nun jauh di sana, kepulangan berhari raya di kampung halaman sangat dinanti-nantikan. Seboleh-bolehnya, mereka ini hanya ingin pulang ke kampung tercinta sahaja berbanding lokasi lain. Bertemu ibu ayah menjadi keutamaan buat sesiapa sahaja dan walau sesibuk mana sekalipun, balik kampung itu adalah wajib!

Yang berada di kampung pula, pastinya tidak sabar untuk menemui anak kesayangan, adik beradik, anak saudara ataupun cucu masing-masing. Bila sudah jumpa, wajah-wajah kegembiraan pastinya akan terpancar.

Kemudian, baju raya pelbagai warna dan corak akan mula digayakan oleh mereka. Tidak terkecuali menu tradisional dan moden terhidang enak di ruang tamu menanti para tetamu bertandang ke rumah.

Sedang masing-masing bergembira, masih ada kalangan penuntut yang tidak dapat pulang beraya di kampung. Rasa sedih, sebak, kecewa semuanya bercampur baur. Ikutkan hati, ingin pulang sahaja ke kampung, tetapi demi pengajian, hasrat tersebut perlu dilupakan dengan penuh keredaan.

Bercerita tentang kampung halaman, minggu ini, *Isu Kampus* memaparkan perkongsian

kisah dan pengalaman menarik beberapa penuntut Malaysia dan luar negara yang terpaksa beraya tanpa keluarga tersayang.

Hampir kesemua mereka menyatakan rasa sedih tidak dapat berhari raya bersama keluarga dan insan tersayang, malah ada juga dalam kalangan siswa-siswi yang buat pertama kali menyambutnya di perantauan.

Bukan mudah sebenarnya menyambut Syawal tanpa kehadiran keluarga di sisi. Setabah, sekuat dan sesabar manapun seseorang itu, air mata tetap akan tumpah jua bila tibanya lebaran.



Menjamu selera akan mengeratkan silaturahmi sesama siswa.

Pengalaman baru rai Syawal di rantau orang

PELUANG berpuasa dan menyambut Syawal di Malaysia bagi siswa antarabangsa bukan sahaja menguji kesabaran berjauhan daripada keluarga, malah turut memberi pengalaman baru untuk mengenali budaya di negara ini.

Bagi dua penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM), sambutan Syawal pada tahun ini meninggalkan pengalaman berbeza dan sangat berharga kepada mereka yang pertama kali menyambut Aidilfitri jauh dari keluarga.

Dian Puteri Utami, 26, dari Indonesia berkata, Syawal pada tahun ini berbeza dari tahun sebelumnya kerana dia terpaksa berjauhan dengan keluarga termasuk ketika menyambut Ramadan.



Kemegahan tetap dirasai walaupun hanya menyambut lebaran bersama sahabat handai.

Katanya, walaupun ia memberi pengalaman baru, namun masih tetap tidak dapat membendung rasa kesedihan dan hari raya tahun ini pastinya meninggalkan pengalaman berbeza.

"Saya juga sedih kerana adik saya yang turut belajar di universiti ini berpeluang untuk menyambut hari raya di kampung halaman kami, sekali gus menyebabkan saya rasa sunyi.

"Bagaimanapun, sambutan raya di Malaysia tetap meriah walaupun keluarga saya tiada di sini, malah semangat berhari raya dan menjalin silaturahmi tetap utuh," kata penuntut program Doktor Falsafah (PhD) Teknologi Maklumat.

Sementara itu, Bello Zainab, 44, dari Nigeria turut merasai pengalaman pertama



DIAN PUTERI UTAMI

menyambut hari raya di perantauan tanpa keluarga di sisi pada tahun ini.

Menurutnya, pada hari raya ini dia akan mengunjungi rumah kawan-kawan dan merasai suasana raya di Malaysia bagi mengubati kerinduan pada kampung halaman.

Siswa Pengurusan Sumber Manusia ini berkata, tradisi sambutan raya di sini tidak jauh berbeza dengan negaranya apabila



BELLO ZAINAB

tiba hari raya kerana di Nigeria juga, mereka akan saling bertukar juadah raya dengan jiran tetangga.

"Sedih keluarga tiada di sisi, tapi ramai rakan memujuk dan mengatakan saya perlu merasai pengalaman manis menyambut raya di sini.

"Ini adalah pengalaman baru yang cukup berharga. Walaupun sedih berjauhan dengan keluarga, saya gembira mempelajari sesuatu yang baru selain bertemu rakan dari seluruh dunia," ujarnya.

Beraya dengan rakan seuniversiti

PENUNTOT Sarjana Muda Teknologi Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi, Usim, Abioye Dalapo Azeez, 24 berkata, tahun ini adalah tahun kedua dirinya menyambut Aidilfitri di Malaysia. Perasaan rindu pada keluarga sukar untuk digambarkan. Kalau boleh, sekarang ini dia ingin terbang ke Nigeria, namun, demi menimba ilmu, dia pendamkan segala-galanya.

Azeez dari Nigeria berkata, walaupun terpaksa beraya di negara orang, dia berasakan pengalaman dan kemeriahan menyambut 1 Syawal tetap menarik.

"Perasaan menyambut hari raya di Malaysia dan Nigeria pastinya berbeza. Akan tetapi, kemeriahannya tetap dirasai di sini walaupun tanpa keluarga di sisi.



"Di sana, saya mempunyai keluarga besar. Bila berjauhan sebegini, ada rasa sedih. Tetapi, kesedihan saya terubat juga dengan kehadiran rakan-rakan Usim dan dari universiti berdekatan," katanya.

Menurut Azeez, apabila tiba Aidilfitri di Nigeria, semua masyarakat memakai pakaian tradisional suku kaum masing-masing. Sama seperti di Malaysia, mereka akan membeli pakaian baharu yang bercirikan tradisi etnik masing-masing. Kepelbagaian variasi pakaian itu lebih menonjol pada hari raya berbanding hari lain. Di negaranya, baju Melayu dan baju kurung menjadi pilihan kebanyakan masyarakat Islam dengan pelbagai rekaan menarik untuk menunjukkan perbezaan antara satu-sama lain.

Tidak mahu bersedih lagi

MD Robiul Islam, 23, dari Bangladesh berkata, tahun ini merupakan pengalaman pertama dia menyambut lebaran di Malaysia. Mengikuti jurusan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Usim, Aidilfitri di negara orang membuatkan detik-detik berhari raya di Bangladesh mengusik jiwanya.

"Saya merindui suasana malam terakhir Ramadan kerana ahli keluarga bergotong-royong membuat persiapan raya. Menghias kediaman dengan lampu berwarna warni, mencuba baju baru, menyediakan juadah tradisional antara aktiviti yang dilakukan



oleh kaum keluarga.

"Pada pagi raya, selesai menunaikan solat sunat raya, kami akan ziarah-menziarahi. Saya akan mengambil sedikit masa untuk menziarahi sebuah perkampungan berdekatan kediaman kami. Di sana, penduduknya terdiri golongan miskin, jadi saya akan bertanya khabar di samping memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan makanan," katanya.

Robiul berkata, rakan sekelas dan senegara banyak memberi kegembiraan kepadanya bila menjelangnya Aidilfitri nanti. Masing-masing sentiasa memberi sokongan dan semangat untuknya agar tenang menyambut lebaran.

Suami, adik pengubat rindu

ADELAQUN Olawumi Azezat @ Azizah, 26, pula berkata, rasa sedih tidak pulang berhari raya ke kampung halaman di Nigeria sedikit terubat kerana suami dan adik perempuannya berada di Malaysia.

"Ini adalah pengalaman kedua saya menyambut Aidilfitri di Malaysia. Jadi, saya sudah tidak kekok untuk menyambut lebaran di sini. Untuk raya pertama, biasanya saya akan menyediakan pelbagai juadah tradisi negara saya sambil meraikan kenalan yang datang bertandang ke rumah.

"Pada raya kedua pula, saya dan keluarga menonton wayang untuk menghilangkan rasa bosan. Ini kerana, ramai jiran saya dari Malaysia yang pulang ke kampung halaman. Suasana di luar pula sunyi sepi kerana banyak kedai yang ditutup," katanya yang mengikuti pengajian dalam bidang Sarjana Kaunseling Keluarga, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Usim.

Walaupun suami dan adik ada bersama, perasaan rindu kepada keluarga di Nigeria tetap kuat. Masih segar di ingatan ketika kali terakhir saya menyambut lebaran di Nigeria sebelum datang ke Malaysia untuk menyambung pengajian. Ahli keluarga jauh dan dekat, semuanya datang ke rumah. Kami solat berjemaah, menikmati jamuan secara besar-besaran dan berkongsi pelbagai cerita lucu. Ia memang kenangan yang indah dan membuatkan saya bersyukur mempunyai sebuah keluarga yang mempunyai ikatan persaudaraan yang erat," katanya.

